

27 Februari 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Jengka 08.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Jengka 08 telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) untuk Rancangan FELDA Gugusan Jengka 08. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 3 Rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan FELDA Gugusan Jengka 08.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Jengka 08 pada 4 hingga 6 April 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholders'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Jengka 01	Pejabat Felda Jengka 1, 26400 Bandar Jengka, Pahang.	2,215.1	545	E 102° 35.812'; N 03° 49.735'
Jengka 08	Pejabat Felda Jengka 8, 26400 Bandar Jengka Pahang	1,708.87	334	E 102° 29' 25.34"; N 3° 51' 18.41"
Jengka 09	Pejabat Felda Jengka 9, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1,365.00	336	E 102° 27' 27" 45; N 3° 48' 25"
Jengka 10	Pejabat Felda Jengka 10, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang	1,693.28	417	E 102° 35.805'; N 3° 49.859'
Jengka 11	Pejabat Felda Jengka 11, 26400 Bandar Jengka, Pahang	2,129.84	529	E 102° 32' 1.671"; N 3° 47' 24.323"
Sg. Tekam	Pejabat Felda Sungai Tekam, 27070 Jerantut, Pahang	1,219.48	357	E 102° 31' 50.336"; N 3° 51' 28.778"
Sg. Tekam Utara	Pejabat Felda Sungai Tekam Utara, 27060 Jerantut, Pahang	1,880.19	459	E 102° 35' 31.92"; N 3° 53' 28.68"

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah Penyedia perkhidmatan pensijilan, kualiti pengurusan, dan pensijilan produktiviti. Semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain.

Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Jengka 8 terdiri daripada:

En. Mohd Rizal Bin Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial);

En. Abdul Hakim Bin Mohamad sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang dan Alam Sekitar);

En. Mohd Johari Bin Kassim sebagai juruaudit (Aspek Undang Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalam dan luaran

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah Urusan

Trans Certification International Sdn Bhd.
No. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB,
Jalan Putra Square 4, Putra Square,
25200 Kuantan Pahang.
Fax: +609-560 9613
Email: mspotci@gmail.com

DAN/ATAU Auditee:

Ahmad Shahrir Ismail
Certification & Due Diligent
FELDA Global Ventures Holdings Berhad
Lavel 20, Menara Felda, Platinum Park,
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2859 1311
Email : shahrir.i@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....
Maniza Mamat
Pengarah Urusan

